

MATAPELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN

SET 3 – MODUL HALUS

TINGKATAN 4

MODUL 6 IMBANGAN DUGA

**MODUL 7 PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL TANPA
PELARASAN**

**MODUL 8 PELARASAN PADA TARIKH IMBANGAN DAN PENYEDIAAN
PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL**

TINGKATAN 5

MODUL 12 PERAKAUNAN UNTUK KAWALAN DALAMAN

SOALAN MODUL 6**BAHAGIAN A**

- 1 Pernyataan manakah yang menerangkan maksud Imbangan Duga?
- A Senarai baki debit dan kredit yang diambil daripada lejar
 - B Pernyataan yang menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan
 - C Akaun yang disediakan untuk mengetahui untung atau rugi perniagaan
 - D Akaun yang disediakan untuk mencari baki akhir pada satu tarikh tertentu
- 2 Pernyataan manakah yang menerangkan fungsi Imbangan Duga?
- A Mengukur prestasi perniagaan
 - B Memudahkan penyediaan penyata kewangan
 - C Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan
 - D Memastikan perniagaan mendapat untung bersih
- 3 Antara yang berikut, pernyataan manakah yang benar tentang Imbangan Duga?
- I Menguji ketepatan catatan beregu
 - II Membetulkan kesilapan melalui jurnal khas
 - III Mempamerkan jumlah aset, liabiliti dan ekuiti pemilik
 - IV Mengandungi senarai baki yang diambil daripada lejar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 4 Pernyataan berikut ada kaitan dengan Imbangan Duga.

Imbangan Duga yang disediakan dengan betul seharusnya seimbang

Bagaimanakah perkara ini boleh berlaku?

- A Merupakan suatu bentuk akaun
- B Disediakan mengikut sistem catatan bergu
- C Harus disediakan pada hujung satu tempoh perakaunan
- D Adalah suatu penyata yang menyenaraikan baki debit dan kredit

- 5 Manakah pernyataan yang tepat tentang penyediaan Imbangan Duga?
- A Imbangan duga hanya boleh disediakan pada akhir setiap tempoh perakaunan
 - B Ketepatan catatan dalam akaun boleh disemak sepenuhnya menggunakan imbangan duga
 - C Jumlah senarai debit dan kredit yang seimbang tidak semestinya membuktikan semua catatan di lejar dibuat dengan betul
 - D Imbangan duga ialah sebahagian daripada akaun yang akan dipindah ke akaun perdagangan, akaun untung rugi dan penyata kedudukan kewanangan
- 6 Akaun manakah disenaraikan dengan tepat dalam Imbangan Duga?

	Akaun	Ruangan
A	Sewa diterima	Debit
B	Komisen diberi	Kredit
C	Akaun belum bayar	Debit
D	Faedah simpanan tetap	Kredit

- 7 Petikan Imbangan Duga berikut diperolehi daripada buku perniagaan Kedai Wani

Imbangan Duga pada 31 Ogos 2017

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Belian	968	
E	580	
F		126
Modal		3 180

Apakah **E** dan **F**?

	E	F
A	Akaun belum bayar	Ambilan
B	Inventori awal	Inventori akhir
C	Jualan	Diskaun diberi
D	Angkutan keluar	Pulangan belian

- 8 Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada buku seorang peniaga.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2017

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun belum terima	2 850	
Jualan		3 800
G	150	
Akaun belum bayar		3 160

Apakah **G**?

- A Pulangan belian
 B Overdraf bank
 C Sewa diterima
 D Ambilan
- 9 Petikan Imbangan Duga di bawah ini diambil daripada buku Perniagaan Neuraj.

Imbangan Duga pada 31 Julai 2017

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Komisen		600
Sewa	700	

Pernyataan manakah yang betul?

- A Komisen diberi RM600 dan sewa dibayar RM700
 B Komisen diterima RM600 dan sewa dibayar RM700
 C Komisen diberi RM600 dan sewa diterima RM700
 D Komisen diterima RM600 dan sewa diterima RM700
- 10 Antara berikut, yang manakah kesilapan catatan dalam Imbangan Duga?

	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
I	Kenderaan	30 000	
II	Angkutan masuk		50
III	Pulangan keluar	250	
IV	Diskaun diterima		450

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 11 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Hasni.

Imbangan Duga pada 31 Ogos 2017

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Pulangan	450	
Diskaun		650

Butir dan angka manakah yang betul?

- A Pulangan masuk RM450 dan diskaun diberi RM650
 - B Pulangan keluar RM450 dan diskaun diberi RM650
 - C Pulangan masuk RM450 dan diskaun diterima RM650
 - D Pulangan keluar RM450 dan diskaun diterima RM650
- 12 Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada Peng Soon Enterprise.

Imbangan Duga pada 31 Mac 2018

Debit	Kredit
Belian	Akaun belum bayar
Overdraf bank	Jualan

Butir manakah yang telah tersalah catat?

- A Belian
 - B Jualan
 - C Overdraf bank
 - D Akaun belum bayar
- 13 Kesilapan manakah merupakan kesilapan tidak ketara dalam Imbangan Duga?
- I Kesilapan prinsip
 - II Kesilapan saling mengimbangi
 - III Kesilapan ketinggalan satu catatan
 - IV Kesilapan catatan di bahagian yang salah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 14 Pernyataan manakah menerangkan Sistem Inventori Berkala?
- I Unit inventori dikira secara fizikal pada akhir tempoh perakaunan
 - II Digunakan oleh firma yang menjual barang niaga yang bernilai rendah
 - III Setiap urus niaga belian, jualan dan pulangan dikemaskini dalam akaun inventori
 - IV Unit inventori dikira secara berterusan setiap kali berlaku urus niaga yang melibatkan inventori
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 15 Pilih pernyataan yang benar mengenai Sistem Inventori Berterusan.
- I Menyimpan rekod yang terperinci untuk mengesan barang niaga yang diterima dan dikeluarkan
 - II Buku rekod inventori atau kad inventori digunakan untuk merekodkan pergerakan inventori
 - III Kuantiti dan nilai inventori pada hujung sesuatu tempoh ditentukan dengan membuat pengiraan fizikal
 - IV Sistem ini diamalkan oleh peniaga runcit yang barang niaganya bernilai rendah
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 16 Pernyataan manakah yang merujuk tentang inventori sesebuah perniagaan?
- I Barang niaga yang dikitar semula
 - II Barang niaga yang dimiliki untuk dijual semula
 - III Merupakan aset semasa bagi sesebuah perniagaan
 - IV Aset perniagaan yang digunakan untuk menjana pendapatan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

17 Butir manakah bukan inventori bagi sebuah firma perkilangan membuat kasut?

- A Tali kasut
- B Kasut fabrik rata
- C Getah tapak kasut
- D Rak pameran kasut

18 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Gabung Jaya pada 30 April 2017.

Kad Inventori	Harga Kos	Harga Pasaran
	RM	RM
1	9 600	9 600
2	11 400	11 300
3	7 100	6 900
4	10 400	10 500

Berapakah nilai inventori pada 30 April 2017?

- A RM38 200
- B RM38 300
- C RM38 400
- D RM38 500

19 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Pasaraya KU.

Inventori pada 30 Jun 2017 dinilai seperti berikut:

Kad Inventori	Harga Kos	Harga Pasaran
	RM	RM
T shirt sukan	3 400	3 040
Blaus	2 810	2 180
Seluar panjang sukan	1 160	1 600

Berapakah nilai inventori akhir yang direkodkan dalam Akaun Perdagangan dan Penyata Kedudukan Kewangan?

	Akaun Perdagangan	Penyata Kedudukan Kewangan
A	RM6 820	RM7 370
B	RM6 380	RM6 380
C	RM6 820	RM6 820
D	RM7 370	RM7 370

20 Apakah kesan nilai inventori akhir yang tinggi terhadap kos jualan dan untung kasar?

	Kos Jualan	Untung Kasar
A	Rendah	Tinggi
B	Rendah	Rendah
C	Tinggi	Rendah
D	Tinggi	Tinggi

BAHAGIAN B

1. Tandakan (✓) kedudukan baki-baki akaun berikut sama ada di lajur debit atau di lajur kredit Imbangan Duga.

Bil	Akaun	Debit	Kredit	Bil	Akaun	Debit	Kredit
(a)	Deposit telefon			(n)	Simpanan tetap		
(b)	Pinjaman			(o)	Pulangan masuk		
(c)	Pulangan keluar			(p)	Jualan		
(d)	Akaun belum terima			(q)	Alat tulis		
(e)	Komisen diterima			(r)	Inventori awal		
(f)	Duti atas belian			(s)	Belian		
(g)	Faedah pinjaman			(t)	Akaun belum bayar		
(h)	Bangunan			(u)	Ambilan		
(i)	Modal			(v)	Tunai runcit		
(j)	Angkutan keluar			(w)	Hutang lapuk		
(k)	Overdraf bank			(x)	Dividen		
(l)	Upah atas belian			(y)	Promosi		
(m)	Angkutan masuk			(z)	Gadai janji		

2. Imbangan Duga berikut diambil daripada buku perniagaan Zarif Enterprise.

Zarif Enterprise
Imbangan Duga pada 31 Ogos 2017

Butir	RM	Butir	RM
Akaun belum terima	3 356	Akaun belum bayar	1 480
Inventori 1 September 2016	13 048	Hutang lapuk	120
Belian	20 800	Modal	15 219
Gaji	5 200	Diskaun diberi	530
Bank	7 460	Pulangan keluar	490
Sewa diterima	3 236	Angkutan masuk	1 020
Ambilan	450	Alatan kedai	6 030
Belanja alat tulis	225	Inventori 31 Ogos 2017	8 670
Angkutan keluar	820		
Jualan	38 634		
	93 229		33 559

Encik Zarif pemilik perniagaan Zarif Enterprise mendapati Imbangan Duga perniagaannya pada 31 Ogos 2017 tidak seimbang.

Anda dikehendaki mengesan kesilapan dalam Imbangan Duga perniagaan Zarif Enterprise dan menyediakan semula Imbangan Duga pada 31 Ogos 2017.

3. Encik Akif adalah pemilik Kedai Akif yang menjual pelbagai barangan alat tulis. Beliau menghadapi masalah dalam penyediaan Imbangan Duga..

Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Encik Akif, anda dikehendaki menyediakan Imbangan Duga pada 30 September 2017.

Butir	RM
Jualan	94 600
Inventori 1 Oktober 2016	21 040
Belian	50 934
Modal	50 740
Pulangan keluar	1 854
Akaun belum bayar	4 400
Ambilan	1 000
Komisen diterima	840
Inventori 30 September 2017	22 000
Perabot	15 040
Kenderaan	17 400
Sewa kedai	6 240
Kadar bayaran	840
Tunai di bank	17 260
Tunai di tangan	1 160
Deposit kadar bayaran	500
Gaji pembantu kedai	4 960
Alatan pejabat	16 060

4. Padankan situasi yang berikut dengan jenis kesilapan tidak ketara.

Bil	Kesilapan		Jenis Kesilapan
(a)	Pembayaran untuk angkutan masuk sebanyak RM240 telah didebitkan dalam akaun angkutan keluar.		Kesilapan Amaun
(b)	Duti import tertinggal catat ke dalam buku berkaitan.		Kesilapan Prinsip
(c)	Pulangan jualan bernilai RM210 telah direkodkan sebagai RM120 dalam jurnal dan diposkan ke lejar.		Kesilapan Terbalik atau Songsang
(d)	Belian terlebih kira sebanyak RM50 dalam Akaun Belian. Manakala diskaun diterima juga terlebih kira sebanyak RM50 dalam Akaun Diskaun Diterima.		Kesilapan Saling Mengimbangi
(e)	Belian kredit daripada Kedai Murni telah dicatatkan dalam Akaun Kedai Nurmi.		Kesilapan Ketinggalan Satu Urus Niaga
(f)	Jualan barang niaga secara tunai telah didebitkan dalam Akaun Jualan dan dikreditkan dalam Akaun Bank.		Kesilapan Komisen

SOALAN MODUL 6 TAMAT

SKEMA JAWAPAN MODUL 6**BAHAGIAN A**

SOALAN	JAWAPAN	SOALAN	JAWAPAN
1	A	11	C
2	B	12	C
3	B	13	A
4	B	14	A
5	C	15	A
6	D	16	C
7	D	17	D
8	D	18	A
9	B	19	B
10	C	20	A

BAHAGIAN B

1. Tandakan (✓) kedudukan baki-baki akaun berikut sama ada di lajur debit atau di lajur kredit Imbangan Duga.

Bil	Akaun	Debit	Kredit	Bil	Akaun	Debit	Kredit
(a)	Deposit telefon	✓		(n)	Simpanan tetap	✓	
(b)	Pinjaman		✓	(o)	Pulangan masuk	✓	
(c)	Pulangan keluar		✓	(p)	Jualan		✓
(d)	Akaun belum terima	✓		(q)	Alat tulis	✓	
(e)	Komisen diterima		✓	(r)	Inventori awal	✓	
(f)	Duti atas belian	✓		(s)	Belian	✓	
(g)	Faedah pinjaman	✓		(t)	Akaun belum bayar		✓
(h)	Bangunan	✓		(u)	Ambilan	✓	
(i)	Modal		✓	(v)	Tunai runcit	✓	
(j)	Angkutan keluar	✓		(w)	Hutang lapuk	✓	
(k)	Overdraf bank		✓	(x)	Dividen		✓
(l)	Upah atas belian	✓		(y)	Promosi	✓	
(m)	Angkutan masuk	✓		(z)	Gadai janji		✓

2.

Zarif Enterprise
Imbangan Duga pada 31 Ogos 2017


	RM		RM
Akaun belum terima	3 356	Akaun belum bayar	1 480
Inventori 1 September 2016	13 048	Modal	15 219
Belian	20 800	Pulangan keluar	490
Gaji	5 200	Sewa diterima	3 236
Bank	7 460	Jualan	38 634
Ambilan	450		
Belanja alat tulis	225		
Angkutan keluar	820		
Hutang lapuk	120		
Alatan kedai	6 030		
Diskaun diberi	530		
Angkutan masuk	1 020		
	<u>59 059</u>		<u>59 059</u>

3.

Kedai Akif
Imbangan Duga pada 30 September 2017

	Debit	Kredit
	RM	RM
Jualan		94 600
Inventori 1 Oktober 2016	21 040	
Belian	50 934	
Modal		50 740
Pulangan keluar		1 854
Akaun belum bayar		4 400
Ambilan	1 000	
Komisen diterima		840
Perabot	15 040	
Kenderaan	17 400	
Sewa kedai	6 240	
Kadar bayaran	840	
Bank	17 260	
Tunai	1 160	
Deposit kadar bayaran	500	
Gaji pembantu kedai	4 960	
Alatan pejabat	16 060	
	<u>152 434</u>	<u>152 434</u>

4.



SKEMA JAWAPAN MODUL 6 TAMAT

SOALAN MODUL 7**BAHAGIAN A**

1 Apakah tujuan sesebuah perniagaan menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan?

- A Mengukur prestasi perniagaan
- B Menutup akaun hasil dan belanja
- C Menunjukkan kecairan perniagaan
- D Mengetahui keuntungan perniagaan

2 Antara berikut, yang manakah digunakan untuk menghitung untung atau rugi kasar?

- A Imbangan Duga
- B Akaun Perdagangan
- C Akaun Untung Rugi
- D Penyata Kedudukan Kewangan

3 Pada 30 Jun 2017, inventori akhir Perniagaan Izzati dinilai RM14 000 pada harga kos dan RM16 750 pada harga pasaran. Berapakah inventori akhir yang dicatatkan dalam Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan pada tarikh tersebut?

	Penyata Pendapatan	Penyata Kedudukan Kewangan
A	RM14 000	RM16 750
B	RM14 000	RM14 000
C	RM16 750	RM14 000
D	RM16 750	RM16 750

		RM
4	Belian Tunai	8 760
	Belian Kredit	48 990

Berapakah nilai belian yang akan dipindahkan ke Akaun Perdagangan?

- A RM8 760
- B RM40 230
- C RM48 990
- D RM57 750

5 Dalam catatan penutupan, kadar bayaran akan dipindahkan ke dalam

- A Akaun Perdagangan
- B Akaun Penyata kedudukan kewangan
- C Akaun Untung Rugi
- D Akaun Modal

6 Antara berikut, yang manakah menambahkan kos jualan?

- I Pulangan keluar
- II Duti atas belian
- III Angkutan masuk
- IV Diskaun diterima

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7 Maklumat dibawah dibekalkan oleh Ssofwah Enterprise bagi tahun berakhir 30 Jun 2017

	RM
Inventori 1 Julai 2016	4 300
Inventori 30 Jun 2017	3 900
Belian	12 600
Pulangan keluar	510
Angkutan masuk	600

Berapakah kos jualan?

- A RM11 890
- B RM12 910
- C RM13 090
- D RM18 410

Soalan 8 hingga 11 berdasarkan maklumat dibawah:

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017			
	RM	RM	RM
Jualan			12 500
Inventori awal		1 200	
Belian	5 200		
+M	200		
		X	
		6 600	
Inventori akhir		1 300	
N			Y
O			Z

8 Apakah yang sesuai untuk M ?

- A Pulangan keluar
- B Pulangan masuk
- C Angkutan keluar
- D Angkutan masuk

9 Apakah butir N?

- A Kos jualan
- B Kos belian
- C Kos barang belian
- D Kos barang untuk dijual

10 Berapakah untung kasar?

- A RM5 300
- B RM5 400
- C RM6 600
- D RM7 200

11 Berapakah Untung bersih, jika hasil RM1 000 dan belanja RM2 500?

- A RM3 800
- B RM5 100
- C RM5 700
- D RM6 900

- 12 Maklumat kewangan berikut diambil daripada Pembekal Makanan Segar Marissah

	RM
Modal awal	40 000
Komisen diterima	1 400
Ambilan	800
Inventori akhir	2 000
Untung kasar	12 000
Modal akhir	45 500

Berdasarkan maklumat yang diberikan, berapakah untung bersih?

- A RM1 500
 B RM5 500
 C RM6 300
 D RM13 500
- 13 Apakah kesan terhadap Akaun Untung Rugi perniagaan sekiranya jumlah belanja melebihi jumlah hasil?

- A Rugi kasar
 B Rugi bersih
 C Untung kasar
 D Untung bersih

- 14 Maklumat yang berikut diambil daripada Kedai Runcit Maika Nafeesa pada 28 Febuari 2018

	RM
Gaji	3 000
Bank	3 500
Insurans	1 300
Untung kasar	20 200
Kadar bayaran	1 200
Lengkapan kedai	8 300
Komisen diterima	1 200

Berapakah untung bersih Kedai Runcit Maika Nafeesa bagi tahun berakhir 28 Febuari 2018?

- A RM13 500
 B RM15 900
 C RM18 500
 D RM21 400

15 Data dibawah dibekalkan oleh Perniagaan Neylis

	RM
Untung bersih	3 500
Modal awal	35 000
Aset	60 200

Berapakah liabiliti Perniagaan Neylis?

- A RM21 700
- B RM25 200
- C RM28 500
- D RM98 700

16 Maklumat di bawah terdapat dalam Penyata Kedudukan Kewangan Ainul Mardhiah Ent.

	RM
Kenderaan	30 000
Ambilan	100
Inventori akhir	2 500
Akaun belum terima	6 800
Alatan pejabat	3 000
Untung bersih	4 000
Modal kerja	7 200

Berapakah modal awal?

- A RM36 300
- B RM40 200
- C RM44 100
- D RM49 500

- 17 Maklumat dibawah dipetik daripada Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Khawarizmi.

	RM
Alatan pejabat	38 000
Inventori 1 April 2017	7 900
Inventori 31 Mac 2018	6 100
Akaun belum terima	8 300
Akaun belum bayar	5 800
Bank	12 500
Modal 31 Mac 2018	59 100

Berapakah modal kerja?

- A RM16 800
 B RM21 100
 C RM22 900
 D RM29 000
- 18 Penyata Kedudukan Kewangan yang berikut dipetik daripada buku Perniagaan Amira

Perniagaan Amira
 Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember
 2017

	RM	RM
Aset Semasa		
Inventori	20 000	
bank	8 000	
		28 000
(-) Liabiliti semasa		
Akaun belum bayar		5 000
Y		23 000

Apakah Y?

- A Modal awal
 B Modal akhir
 C Modal kerja
 D Modal tambahan
- 19 Antara berikut, yang manakah mengurangkan modal?
- A Ambilan
 B Untung Kasar
 C Untung Bersih
 D Modal tambahan

- 20 Pada akhir tempoh perakaunan, buku Syarikat Mohamad menunjukkan baki-baki berikut:

	RM
Aset	24 000
Liabiliti	12 400

Berapakah modal awal Syarikat Mohamad sekiranya syarikat beliau mengalami kerugian sebanyak RM3 000?

- A RM14 600
- B RM8 600
- C RM11 600
- D RM15 400

BAHAGIAN B

- 1 Baki-baki yang berikut dipetik daripada buku Samsudin Enterprise pada 31 Julai 2017

	RM
Inventori pada 1 Ogos 2016	4 000
Inventori pada 31 Julai 2017	3 700
Belian	26 500
Jualan	54 700
Angkutan masuk	860
Insurans atas belian	330
Duti import	230
Pulangan belian	2 200
Pulangan jualan	1 100

Anda dikehendaki melengkapkan maklumat dibawah berpandukan maklumat yang telah diberikan.

Samsudin Enterprise				
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Julai 2017				
	RM	RM		RM
Inventori awal			Jualan	
Belian			Tolak:	
(-) Pulangan belian			Pulangan jualan	
Belian bersih			Jualan bersih	
Angkutan masuk				
Insurans atas belian				
Duti import				
Kos belian				
Kos barang untuk dijual				
(-) Inventori akhir				
Kos Jualan				
Untung kasar				
		53 600		53 600

2 Maklumat dibawah diambil daripada buku-buku perakaunan Ezain Trading.

	RM
Inventori pada 1 April 2017	8 700
Belian	33 000
Jualan	64 800
Upah	2 000
Pulangan masuk	730
Pulangan keluar	2 100
Inventori pada 31 Mac 2018	6 500
Gaji	7 600
Sewa	10 000
Faedah diterima	3 200
Kadar bayaran	890
Insurans	1 500
Pengiklanan	200

Anda dikehendaki melengkapkan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2018.

Ezain Trading			
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2017			
	RM	RM	RM
Jualan			
(-) Pulangan masuk			
Jualan bersih			
Tolak : Kos Jualan			
Inventori awal			
Belian			
(-) Pulangan keluar			
Belian bersih			
(+) Upah			
Kos belian			
Kos barang untuk dijual			
(-) inventori akhir			
Kos Jualan			
Untung kasar			
Tambah: hasil			
Faedah diterima			
Tolak : belanja			
Gaji			
Sewa			
Kadar bayaran			
Insurans			
Pengiklanan			
Untung bersih			

- 3 Berikut merupakan maklumat yang diperolehi daripada Kedai Neon pada 31 Disember 2017

	RM
Kenderaan	40 600
Alatan pejabat	7 800
Premis	90 600
Perabot	8 800
Kelengkapan	4 300
Pinjaman	15 000
Ambilan	400
Akaun belum terima	5 620
Akaun belum bayar	7 000
Tunai ditangan	2 000
Overdraf	3 600
Simpanan tetap	10 000
Inventori pada 31 Disember 2017	8 700
Gadai janji	40 000
Modal	60 000

Anda dikehendaki melengkapkan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

Kedai Neon		Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017		
	RM	RM	RM	
Aset Bukan Semasa				
Kenderaan				
Alatan pejabat				
Premis				
Perabot				
Kelengkapan				
Aset Semasa				
Inventori				
Simpanan Tetap				
Tunai				
Akaun Belum Terima				
(-) Liabiliti Semasa				
Akaun Belum Bayar				
Overdraf bank				
Modal Kerja				
Ekuiti Pemilik				
Modal awal				
(+) Untung bersih				
(-) Ambilan				
Modal akhir				
Libiliti bukan Semasa				
Pinjaman				
Gadai janji				

- 4 Kedai Buku Farah merupakan sebuah perniagaan milikan tunggal. Berikut merupakan petikan yang diperolehi daripada Kedai Buku Farah.

Kedai Buku Farah Imbangan Duga pada 30 Jun 2017		
	RM	RM
Modul 1 Julai 2016		58 180
Ambilan	1 000	
Tunai	2 400	
Bank	5 700	
Belian	23 400	
Jualan		57 200
Kelengkapan kedai	12 400	
Angkutan keluar	3 000	
Pulangan belian		240
Pulangan jualan	270	
Upah	6 600	
Kadar bayaran	1 240	
Diskaun diberi	200	
Dividen diterima		300
Premis	70 700	
Komisen diterima		5 000
Akaun belum terima	4 530	
Akaun belum bayar		2 720
Inventori 1 Julai 2016	2 500	
Sewa diterima		12 000
Belanja runcit	1 700	
	135 640	135 640

Inventori pada 30 Jun 2017 dinilai sebanyak RM5 800 pada harga kos dan pada harga pasaran bernilai RM6 200.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Akaun Perdagangan Dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2017 (Bentuk Penyata).
- b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2017 (Tunjukkan modal kerja).

SOALAN MODUL 7 TAMAT

SKEMA JAWAPAN MODUL 7**BAHAGIAN A**

SOALAN	JAWAPAN	SOALAN	JAWAPAN
1	C	11	C
2	B	12	C
3	B	13	B
4	D	14	B
5	C	15	A
6	C	16	A
7	C	17	B
8	D	18	C
9	A	19	A
10	D	20	A

BAHAGIAN B

1

Samsudin Enterprise Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Julai 2017				
	RM	RM	RM	
Inventori awal		4 000	Jualan	54 700
Belian	26 500		Tolak: Pulangan jualan	1 100
(-) Pulangan belian	2 200		Jualan bersih	53 600
Belian bersih	24 300			
Angkutan masuk	860			
Insurans atas belian	330			
Duti import	230			
Kos belian		25 720		
Kos barang untuk dijual		29 720		
(-) inventori akhir		3 700		
Kos Jualan		26 020		
Untung kasar		27 580		
		53 600		53 600

2

Ezain Trading

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2017

	RM	RM	RM
Jualan			64 800
(-) Pulangan masuk			730
Jualan bersih			64 070
Tolak : Kos Jualan			
Inventori awal		8 700	
Belian	33 000		
(-) Pulangan keluar	2 100		
Belian bersih	30 900		
(+) Upah	2 000		
Kos belian		32 900	
Kos barang untuk dijual		41 600	
(-) inventori akhir		6 500	
Kos Jualan			35 100
Untung kasar			28 970
Tambah: hasil			
Faedah diterima			3 200
			32 170
Tolak : belanja			
Gaji		7 600	
Sewa		10 000	
Kadar bayaran		890	
Insurans		1 500	
Pengiklanan		200	
			20 190
Untung bersih			11 980

3

Kedai Neon			
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017			
	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa			
Kenderaan		40 600	
Alatan pejabat		7 800	
Premis		90 600	
Perabot		8 800	
Kelengkapan		4 300	
			152 100
Aset Semasa			
Inventori		8 700	
Simpanan Tetap		10 000	
Tunai		2 000	
Akaun Belum Terima		5 620	
		26 320	
(-) Liabiliti Semasa			
Akaun Belum Bayar	7 000		
Overdraf bank	3 600		
		10 600	
Modal Kerja			15 720
			167 820
Ekuiti Pemilik			
Modal awal			60 000
(+) Untung bersih			53 220
			113 220
(-) Ambilan			400
Modal akhir			112 820
Libiliti bukan Semasa			
Pinjaman		15 000	
Gadaijanji		40 000	55 000
			167 820

4 (a)

Kedai Buku Farah			
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2017			
	RM	RM	RM
Jualan			57 200
(-) Pulangan masuk			270
Jualan bersih			<u>56 930</u>
Tolak : Kos Jualan			
Inventori awal		2 500	
Belian	23 400		
(-) Pulangan keluar	240		
Belian bersih	<u>23 160</u>		
(+) Upah	6 600		
Kos belian		<u>29 760</u>	
Kos barang untuk dijual		32 260	
(-) Inventori akhir		<u>5 800</u>	
Kos Jualan			<u>26 460</u>
Untung kasar			30 470
Tambah: hasil			
Dividen diterima		300	
Komisen diterima		5 000	
Sewa diterima		12 000	
			<u>17 300</u>
			47 770
Tolak : belanja			
Angkutan keluar		3 000	
Kadar bayaran		1 240	
Belanja runcit		1 700	
Diskaun diberi		<u>200</u>	
			<u>6 140</u>
Untung bersih			<u>41 630</u>

(b) Kedai Buku Farah		Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2017	
	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa			
Premis		70 700	
Kelengkapan Kedai		12 400	
		<u>12 400</u>	83 100
Aset Semasa			
Inventori		5 800	
Tunai		2 400	
Bank		5 700	
Akaun Belum Terima		4 530	
		<u>18 430</u>	
(-) Liabiliti Semasa			
Akaun Belum Bayar		2 720	
		<u>2 720</u>	
Modal Kerja			15 710
			<u>98 810</u>
Ekuiti Pemilik			
Modal awal			58 180
(+) Untung bersih			41 630
			<u>99 810</u>
(-) Ambilan			1000
Modal akhir			<u>98 810</u>

SKEMA JAWAPAN MODUL 7 TAMAT

SOALAN MODUL 8**BAHAGIAN A**

- 1 Pilih padanan yang betul.

	Perakaunan Asas Tunai	Perakaunan Asas Akruan
A	Hasil direkodkan dalam tempoh diperoleh	Hasil direkodkan apabila tunai diterima
B	Hasil direkodkan apabila tunai diterima	Hasil direkodkan dalam tempoh diperoleh
C	Hasil direkodkan apabila tunai diterima	Hasil belum terima tidak diiktiraf sebagai hasil
D	Hasil direkodkan dalam tempoh diperoleh	Hasil belum terperoleh diiktiraf sebagai hasil

- 2 Maklumat berikut dipetik daripada Jurnal Am Syarikat Bestarinet.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
	Gaji Gaji belum bayar (Gaji yang belum dibayar)		1 800	1 800

Pernyataan manakah menerangkan tentang catatan jurnal di atas?

- A Gaji belum dibayar RM1 800 dipindahkan ke Akaun Gaji Dibayar
 B Syarikat Bestarinet masih belum menjelaskan gaji RM1 800 pada awal tempoh kewangan
 C Syarikat Bestarinet masih belum menjelaskan gaji RM1 800 pada akhir tempoh kewangan
 D Gaji belum bayar RM1 800 tidak perlu ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan
- 3 Bakeri Delicious telah membayar premium insurans berjumlah RM5 400 pada 1 April 20X7 untuk tempoh setahun sehingga 31 Mac 20X8. Tahun kewangan perniagaan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Berapakah insurans prabayar pada 31 Disember 20X7?

- A RM1 350
 B RM2 700
 C RM3 050
 D RM4 150

- 6 Hutang lapuk terpulih merupakan hutang yang dapat dikutip semula setelah dihapuskan sebagai hutang lapuk.

Apakah kesan ke atas persamaan perakaunan jika pelanggan yang telah lama menghilang membayar semula hutangnya dengan tunai.

	Debit	Kredit
A	Hutang lapuk terpulih	Tunai
B	Hutang lapuk	Tunai
C	Tunai	Hutang lapuk
D	Tunai	Hutang lapuk terpulih

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan pelanggan Encik Nazlan, pemilik Naz Enterprise bagi tahun berakhir 31 Disember 20X8.

Pelanggan	Tarikh Jualan	Jumlah Jualan
		RM
Fahmi	1 Julai 20X8	560
Fahim	1 Oktober 20X8	820
Fayyad	12 November 20X8	530

Dasar perniagaan menetapkan tempoh kredit dua bulan. Sehingga tarikh penutupan akaun, Encik Nazlan gagal menghubungi Fahim, manakala Fahmi telah berjanji akan menjelaskan hutangnya pada bulan Januari 20X9.

Berapakah hutang lapuk yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 20X8?

- A RM560
- B RM820
- C RM1 380
- D RM1 910

Soalan 8 hingga 10 berdasarkan maklumat yang berikut.

8

Imbangan Duga pada 31 Disember 20X8		
	Debit RM	Kredit RM
Akaun Belum Terima	9 000	
Hutang lapuk	300	
Peruntukan hutang ragu		450
Maklumat Tambahan:		
Sarah, seorang pelanggan yang berhutang RM330 telah didapati mufliis. Semua hutangnya dihapuskan sebagai hutang lapuk.		
Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% ke atas Akaun Belum Terima bersih.		

Berapakah jumlah hutang lapuk dalam Akaun Untung Rugi?

- A RM30
 B RM300
 C RM330
 D RM630
- 9 Berapakah amaun Akaun Belum Terima dalam Penyata Kedudukan Kewangan?
- A RM8 370
 B RM8 670
 C RM8 700
 D RM9 000
- 10 Apakah kesan peruntukan hutang ragu dalam Akaun Untung Rugi?
- A Belanja bertambah RM16.50
 B Hasil berkurang RM433.50
 C Hasil bertambah RM16.50
 D Belanja bertambah RM433.50
- 11 Aset bukan semasa mengalami susut nilai kerana.....
- | | |
|-----|---------------------|
| I | Sukar dilupuskan |
| II | Model lama |
| III | Kemerosotan fizikal |
| IV | Aset dilelong |
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

Soalan 12 dan soalan 13 berdasarkan maklumat yang berikut

Imbangan Duga Kedai Runcit Fattah pada 31 Disember 20X9 adalah seperti yang berikut.

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Kenderaan	8 800	
Susut nilai terkumpul kenderaan		880

Perabot disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

12 Akaun Susut Nilai Kenderaan yang tepat dengan maklumat di atas ialah

A

Akaun Susut Nilai Terkumpul Kenderaan		
	Baki b/b	RM880
	Untung rugi	880

B

Akaun Susut Nilai Terkumpul Kenderaan		
Baki b/b	RM880	
Untung rugi	880	

C

Akaun Susut Nilai Terkumpul Kenderaan		
	Baki b/b	RM880
	Untung rugi	1 760

D

Akaun Susut Nilai Terkumpul Kenderaan		
Untung rugi	RM880	
	Baki b/b	RM880

13 Petikan Penyata Kedudukan Kewangan manakah yang betul?

A

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 20X9	
Aset Bukan Semasa	RM
Kenderaan	8 800
<i>Tolak</i> Susut nilai terkumpul	(880)
	<u>7 920</u>

B

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 20X9	
Aset Bukan Semasa	RM
Kenderaan	8 800
<i>Tolak</i> Susut nilai terkumpul	(1 760)
	<u>7 040</u>

C

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 20X9	
Aset Bukan Semasa	RM
Kenderaan	7 920
<i>Tolak</i> Susut nilai terkumpul	(880)
	<u>7 040</u>

D

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 20X9	
Aset Bukan Semasa	RM
Kenderaan	7 040

- 14 Berikut ialah harga kos sebuah mesin dan nilai bukunya pada 1 Jun 20X7.

	Harga kos	Nilai buku
Mesin	RM178 500	RM58 800

Mesin itu disusutnilaikan pada kadar 5% mengikut kaedah baki berkurangan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mei 20X8.

Berapakah susut nilai terkumpul kenderaan pada 31 Mei 20X8?

- A RM55 860
 B RM61 740
 C RM116 760
 D RM122 640
- 15 Terdapat kesilapan yang telah direkodkan dalam Akaun Pelupusan Perabot.

Akaun Pelupusan Perabot					
20X8			20X8		
		RM			RM
Dis. 31	Mesin	3 500	Dis. 31	Susut nilai terkumpul mesin	700
	Rugi atas pelupusan mesin	1 230		Bank	4 030
		<u>4 730</u>			<u>4 730</u>

Apakah kesilapan tersebut?

- A Bank
 B Perabot
 C Susut nilai terkumpul perabot
 D Rugi atas pelupusan perabot
- 16 Maklumat berikut diperolehi daripada buku kewangan Syarikat Erudite pada 31 Disember 20X8.

Mesin	RM 5 200
Susut nilai terkumpul mesin	1 040

Mesin tersebut dijual dengan harga RM4 420 pada 31 Disember 20X8.

Berapakah untung atau rugi pelupusan kenderaan tersebut?

- A Rugi pelupusan RM260
 B Rugi pelupusan RM780
 C Untung pelupusan RM260
 D Untung pelupusan RM780

17 Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Kedai Dobi Ezyclean.

Imbangan Duga pada 30 Jun 20X8		
	Debit RM	Kredit RM
Insurans	1 500	
Komisen		3 570
Maklumat tambahan:		
i	Premium insurans yang dibayar ialah bagi tempoh 1 Januari 20X8 hingga 31 Disember 20X8.	
ii	Komisen sebanyak RM270 belum diterima.	

Berapakah yang harus dicatatkan dalam Imbangan Duga Terselaras?

	Insurans RM	Komisen RM
A	125	270
B	750	270
C	750	3 840
D	1 500	3 750

18 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Meng.

	RM
Akaun belum terima	5 400
Akaun belum bayar	3 800
Insurans belum bayar	220
Kadar bayaran prabayar	125
Sewa belum terima	450

Berapakah jumlah modal kerja?

- A RM1 955
- B RM2 395
- C RM3 580
- D RM4 950

- 19 Maklumat berikut dipetik dari buku Perniagaan Toko Sinar Maju bagi tahun berakhir 31 Mei 2017.

Butir	1 Jun 2016	31 Mei 2017
	RM	RM
Komisen belum terima	20	-
Komisen belum terperoleh	120	80

Tunai yang diterima untuk komisen bagi tempoh perakaunan yang di atas adalah RM1 115. Setelah pelarasan di lakukan berapakah angka komisen diterima yang akan di pindahkan ke Akaun Untung Rugi?

- A RM80
 B RM140
 C RM1 135
 D RM1 175
- 20 Catatan manakah yang betul merekod promosi prabayar sebanyak RM540 dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

A	Penyata Kedudukan Kewangan	
Aset Bukan Semasa	RM	
Promosi prabayar	540	

B	Penyata Kedudukan Kewangan	
Aset Semasa	RM	
Promosi prabayar	540	

C	Penyata Kedudukan Kewangan	
	Liabiliti Semasa	RM
	Promosi prabayar	540

D	Penyata Kedudukan Kewangan	
	Liabiliti Bukan Semasa	RM
	Promosi prabayar	540

BAHAGIAN B

- 1 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Khadeeja.

Perniagaan Khadeeja		
Imbangan Duga pada 31 Mac 20X8		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Gaji	9 000	
Promosi	2 400	

Maklumat tambahan:

- (i) Gaji bulanan ialah RM900
(ii) Promosi prabayar ialah RM800

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Gaji
(b) Akaun Promosi
(c) Catatan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 20X8
(d) Catatan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 20X8
- 2 (a) Pada 1 Oktober 20X5, sebuah kenderaan telah dibeli dengan harga RM86 000. Kadar susut nilai kenderaan ialah 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Tempoh perakaunan berakhir 31 Disember setiap tahun. Hitung susut nilai kenderaan bagi tahun berakhir 31 Disember 20X7.
- (b) Maklumat berikut diambil daripada Bong Enterprise.

Mesin (Kos)	RM8 000
Usia guna mesin	5 tahun
Nilai skrap	RM500

Hitung susut nilai tahunan.

- (c) Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Speedy Mart pada 31 Mei 20X7.

	RM
Kenderaan (Kos)	78 000
Nilai buku	25 500

Maklumat tambahan:

Kenderaan disusutnilaikan 10% atas ansuran tetap.

Hitungkan:

- (i) Belanja susut nilai kenderaan
(ii) Peruntukan susut nilai kenderaan

- 3 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Gajet Ipoh.

Kedai Gajet ipoh		
Imbangan Duga pada 30 Jun 20X8		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Sewa		9 600
Komisen		1 150

Maklumat tambahan:

- (i) Sewa yang diterima adalah dari 1 September 20X7 sehingga 31 Ogos 20X8.
- (ii) Komisen yang belum diterima ialah RM300.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Sewa Diterima
 - (b) Akaun Komisen Diterima
 - (c) Catatan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 20X8
 - (d) Catatan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 20X8
- 4 Maklumat berikut diperolehi daripada Imbangan Duga Sihat Cergas Enterprise pada 31 Disember 20X8.

	Debit	Kredit
	RM	RM
Perabot (Kos)	15 000	
Susut Nilai Terkumpul		1 900

Maklumat tambahan:

- (i) Perabot termasuk perabot bernilai RM5 000 yang dibeli pada 1 Julai 20X8.
- (ii) Semua perabot disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Catatan pelarasan ke dalam Jurnal Am
- (b) Akaun Susut Nilai Perabot dan Akaun Susut Nilai Terkumpul Perabot
- (c) Catatan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 20X8.
- (d) Catatan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 20X8.

SOALAN MODUL 8 TAMAT

SKEMA JAWAPAN MODUL 8**BAHAGIAN A**

SOALAN	JAWAPAN	SOALAN	JAWAPAN
1	B	11	C
2	C	12	A
3	A	13	B
4	A	14	D
5	A	15	D
6	D	16	C
7	B	17	C
8	D	18	A
9	B	19	C
10	C	20	B

BAHAGIAN B

1 a)

Akaun Gaji					
20X8		RM	20X8		RM
Mac 31	Bank	9 000	Mac 31	Akaun Untung Rugi	10 800
	Gaji Belum Bayar	1 800			
		<u>10 800</u>			<u>10 800</u>

b)

Akaun Promosi					
20X8		RM	20X8		RM
Mac 31	Bank	2 400	Mac 31	Promosi prabayar	800
				Akaun Untung Rugi	1 600
		<u>2 400</u>			<u>2 400</u>

c)

Perniagaan Khadeeja					
Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 20X8 (Petikan)					
		RM			RM
Gaji		10 800			
Promosi		1 600			

d)

Perniagaan Khadeeja		RM
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 20X8 (Petikan)		
<u>Aset Semasa</u>		
Promosi Prabayar		800
<u>Liabiliti Semasa</u>		
Gaji Belum Bayar		1 800

2 a)

Tahun	Susut Nilai
20X5	$10\% \times \text{RM}86\,000 \times 3/12 = \text{RM}2\,150$
20X6	$10\% \times (\text{RM}86\,000 - \text{RM}2\,150) = \text{RM}8\,385$
20X7	$10\% \times (\text{RM}86\,000 - \text{RM}2\,150 - \text{RM}8\,385) = \text{RM}7\,546.50$

b) Susut Nilai Tahunan = $\frac{\text{RM}8\,000 - \text{RM}500}{5}$
 = RM1 500

c) i) Belanja Susut Nilai Kenderaan = $\text{RM}78\,000 \times 10\%$
 = RM7 800

ii) Susut Nilai Tahunan Kenderaan = $\text{RM}7\,800 + \text{RM}52\,500$
 = RM60 300

3 a)

Akaun Sewa Diterima			
20X8	RM	20X8	RM
Jun 30	Sewa Belum Terperoleh	Jun 30	Bank
	1 600		9 600
	Akaun Untung Rugi		
	8 000		
	<u>9 600</u>		<u>9 600</u>

b)

Akaun Komisen Diterima			
20X8	RM	20X8	RM
Jun 30	Akaun Untung Rugi	Jun 30	Bank
	1 450		1 150
			Komisen Belum Diterima
			300
	<u>1 450</u>		<u>1 450</u>

c)

Kedai Gajet Ipoh	
Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 20X8 (Petikan)	
	RM
Sewa Diterima	8 000
Komisen Diterima	1 450

d)

Kedai Gajet Ipoh	
Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 20X8 (Petikan)	
	RM
<u>Aset Semasa</u>	
Komisen Belum Terima	300
<u>Liabiliti Semasa</u>	
Sewa Belum Terperoleh	1 600

4 a)

JURNAL AM				
Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
20X8			RM	RM
Dis 31	Susut Nilai Perabot Susut Nilai Berkumpul Perabot (Merekod susut nilai perabot)		1 060	1 060

b)

Akaun Susut Nilai Perabot				
20X8		RM	20X8	RM
Dis 31	Susut Nilai Berkumpul Perabot	1 060	Dis 31	Akaun Untung Rugi 1 060
		1 060		1 060

Akaun Susut Nilai Berkumpul Perabot				
20X8		RM	20X8	RM
Dis 31	Baki h/b	2 960	Jan 1	Baki b/b
		2 960	Dis 31	Susut Nilai Perabot
				1 060
				2 960
			20X9	
			Jan 1	Baki b/b
				2 960

c)

Sihat Cergas Enterprise		
Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31Disember 20X8 (Petikan)		
	RM	RM
Susut Nilai Perabot	1 060	

d)

Sihat Cergas Enterprise	
Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 20X8 (Petikan)	
	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>	
Perabot	15 000
<i>Tolak</i> Susut Nilai Berkumpul Perabot	2 960
	12 040

SKEMA JAWAPAN MODUL 8 TAMAT

SOALAN MODUL 12**BAHAGIAN A.**

- 1 Apakah tujuan Penyata Penyesuaian Bank disediakan?
- A Merekod baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank
 B Menyelaras baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank
 C Mengawal penerimaan dari pembayaran wang dengan cek
 D Menentukan keupayaan bank mengawal aliran keluar wang masuk
- 2 Antara berikut, yang manakah butiran direkodkan dalam Akaun Bank tetapi belum direkodkan dalam Penyata Bank?
- A Dividen pelaburan
 B Faedah atas overdraf
 C Faedah atas simpanan
 D Cek belum dikemukakan
- 3 Apakah yang menyebabkan baki akhir Buku Tunai berbeza dengan baki Penyata Bank?
- A Penghutang membayar terus ke akaun peniaga di bank
 B Peniaga mendebitkan dividen yang diterima di ruangan bank
 C Penerimaan cek-cek daripada pelanggan telah dikreditkan oleh pihak bank
 D Pembayaran menggunakan cek kepada pemiutang telah didebitkan oleh pihak bank
- 4 Penyata Penyesuaian Bank seorang peniaga ditunjukkan seperti di bawah:

Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Disember 2017

	RM
Baki kredit di Penyata Bank	30 000
Tambah P	5 000
	35 000
Tolak Q	15 000
Baki debit di Buku Tunai	20 000

Apakah P dan Q?

	P	Q
A	Caj bank	Buku cek
B	Cek tak laku	Faedah atas overdraf
C	Deposit yang belum dikreditkan	Cek yang belum dikemukakan
D	Cek yang belum dikemukakan	Deposit yang belum dikreditkan

5 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Avanger Enterprise

- Baki buku tunai (overdraft) RM2 500
- Cek daripada Akaun Belum Terima Saiful tidak dilayan oleh bank RM3 000
- Komisen diterima terlebih rekod dalam Buku Tunai sebanyak RM200

Berapakah baki akhir Penyata Bank?

- A Baki debit RM700
- B Baki debit RM5 700
- C Baki kredit RM700
- D Baki kredit RM5 700

6 Cek berjumlah RM3 250 yang diterima daripada pelanggan tersilap rekod dalam buku tunai sebagai RM3 520. Cek tersebut telah dikreditkan oleh bank.

Bagaimanakah kesilapan ini direkodkan apabila Buku Tunai dikemaskinikan?

- A Debit RM730
- B Kredit RM730
- C Debit RM3 250
- D Kredit RM3 520

7 Penyata bank Syarikat Panthera menunjukkan baki kredit RM19 900. Baki ini berbeza dengan Buku Tunai disebabkan oleh perkara berikut:

- Dividen atas pelaburan RM550 belum direkodkan dalam Buku Tunai
- Cek-cek berjumlah RM5 100 masih belum dikreditkan oleh pihak bank

Berapakah baki Buku Tunai?

- A RM14 250
- B RM15 350
- C RM24 450
- D RM25 550

8 Penyata Bank bagi bulan September 2017 yang diterima oleh Syarikat Dragonball Sdn Bhd menunjukkan baki kredit RM14 210. Baki ini berbeza dengan baki di Buku Tunai pada tarikh sama disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- i Bayaran terus oleh penghutang ke bank RM2 100
- ii Buku cek RM30 belum direkodkan dalam Buku Tunai

Hitung baki Buku Tunai pada 30 September 2017.

- A RM12 080
- B RM12 140
- C RM16 295
- D RM16 325

9 Butir manakah yang dicatatkan di sebelah lajur kredit penyata bank?

- I Buku cek
- II Faedah atas overdraf
- III Faedah atas simpanan
- IV Dividen atas pelaburan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10 Apakah perkara yang menyebabkan baki di Buku Tunai lebih besar daripada baki di penyata bank?

- I Cek yang dibayar oleh penghutang adalah cek tak laku
- II Cek yang didepositkan ke dalam bank belum dikreditkan
- III Cek yang dikeluarkan kepada pekerja belum ditunaikan
- IV Dividen yang diterima daripada pelaburan dibayar terus ke bank

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 11 Manakah butir yang dicatatkan dalam Buku Tunai yang dikemaskinikan?
- I Caj bank
 - II Cek tak laku
 - III Cek belum dikemukakan
 - IV Deposit belum dikreditkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 12 Yang manakah antara berikut **bukan** kepentingan belanjawan tunai kepada peniaga?
- A Mengurus perbelanjaan mengikut keutamaan
 - B Mengawal penerimaan dan pembayaran tunai
 - C Menunjukkan keadaan sebenar prestasi perniagaan
 - D Mencari sumber tambahan untuk menampung kekurangan tunai.
- 13 Manakah yang **benar** mengenai belanjawan tunai?
- A Jualan kredit dicatatkan dalam belanjawan tunai.
 - B Belanjawan tunai dimulakan dengan baki akhir bulan
 - C Lebihan tunai diperolehi jika pembayaran tunai melebihi penerimaan tunai
 - D Baki akhir bulan pertama akan menjadi baki awal bulan berikutnya
- 14 Butiran manakah yang direkodkan dalam komponen penerimaan dalam Belanjawan Tunai?
- A Belian
 - B Baki awal
 - C Pinjaman bank
 - D Bayaran ansuran secara tunai
- 15 Perniagaan Ajwa ingin menyediakan Belanjawan Tunai perniagaannya untuk tempoh tiga bulan berakhir 30 Jun 2017. Jualan dianggarkan berjumlah RM120 000 setiap bulan di mana 30% daripadanya diberi tempoh kredit selama sebulan.
- Hitung anggaran jualan tunai pada Mei 2017.
- A RM36 000
 - B RM72 000
 - C RM84 000
 - D RM120 000

- 16 Maklumat berikut diperolehi daripada sebuah perniagaan:

Shamimi ingin menyediakan Belanjawan Tunai perniagaannya untuk tempoh tiga bulan berakhir 31 Disember 2017. Pada bulan Oktober, jualan tunai dianggarkan berjumlah RM40 000 dan dijangka meningkat sebanyak 10% untuk bulan berikutnya.

Berapakah anggaran jualan tunai pada bulan November?

- A RM40 000
 B RM44 000
 C RM48 400
 D RM53 240
- 17 Antara berikut butiran yang manakah diambil kira dalam penyediaan belanjawan tunai?

- I Pinjaman bank
 II Kadar bayaran
 III Susut nilai perabot
 IV Peruntukan hutang ragu

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 18 Jadual berikut menunjukkan anggaran jualan Perniagaan Optikus Prime

Bulan	Anggaran Jualan
April	RM16 000
Mei	RM18 000
Jun	RM14 000

Jualan adalah 70% secara tunai dan 30% secara kredit . Tempoh kredit ialah satu bulan.

Berapakah anggaran tunai yang akan diterima pada bulan Mei?

- A RM12 600
 B RM15 200
 C RM17 400
 D RM18 000

- 19 Berikut adalah petikan Penyata Belanjawan Tunai Kilang Naagin berakhir 28 Februari 2018.

Penyata Belanjawan Tunai bagi 2 bulan berakhir 28 Februari 2018

Butiran	Jan	Feb
Baki awal	12 400	A
Jumlah Penerimaan	67 400	72 100
Jumlah Pembayaran	34 700	37 400
Lebihan	32 700	34 700
Baki akhir	?	B

Berapakah nilai A dan B?

	A	B
A	RM45 100	RM79 800
B	RM32 700	RM67 400
C	RM20 300	RM55 000
D	RM20 300	RM14 400

- 20 Maklumat berikut ialah petikan belanjawan tunai Puan Aina bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2017.

Perkara	Januari	Februari	Mac
Baki b/b			F
Penerimaan			
Modal	20 000		
Pinjaman	40 000		
Jualan	14 000	15 750	16 100
JUMLAH PENERIMAAN	C	E	
Pembayaran			
Belian	33 200	10 700	8 450
Gaji Pekerja	1 600	1 600	1 600
JUMLAH PEMBAYARAN	34 800	12 300	10 055
Baki h/b	D		

Berapakah nilai **F**?

- A RM3 450
 B RM4 400
 C RM42 650
 D RM60 050

21 Berikut adalah petikan Belanjawan Tunai bagi Perniagaan Botani.


Butiran	Belanjawan (RM)	Sebenar (RM)
Sewa diterima	24 000	18 000
Kadar bayaran	6 600	6 000

Apakah prestasi perniagaan bagi sewa diterima dan kadar bayaran?

	Sewa diterima	Kadar bayaran
A	Tidak memuaskan	Memuaskan
B	Memuaskan	Tidak memuaskan
C	Memuaskan	Memuaskan
D	Tidak memuaskan	Tidak memuaskan

BAHAGIAN B

- 1 Padankan situasi yang berikut dengan penyataan yang diberikan.



- 2 Buku tunai Kedai Mahbud, seorang peniaga runcit, menunjukkan Akaun Bank dengan baki debit sebanyak RM3 007 pada 31 Mei 2017. Penyata Bank pada tarikh yang sama menunjukkan baki yang berbeza. Perbezaan ini disebabkan oleh perkara-perkara yang berikut.

- (i) Cek yang dibayar kepada Akaun Belum Bayar berjumlah RM500 belum dikemukakan untuk pembayaran.
- (ii) Caj bank yang berjumlah RM20 masih belum direkodkan dalam Buku Tunai.
- (iii) Sekeping cek dipulangkan oleh bank berjumlah RM520 kerana tidak laku.
- (iv) Bank telah mengkreditkan akaun Kedai Mahbud dengan faedah atas simpanan tetap sebanyak RM442.
- (v) Bank telah membayar premium insurans berjumlah RM450 atas perintah sedia ada.
- (vi) Deposit sebanyak RM650 pada 27 Mei 2017 belum dikreditkan oleh bank.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mei 2017 (tanpa mengemaskini Buku Tunai)

3 Maklumat berikut dipetik daripada Perniagaan Jinbara.

- (i) Baki tunai pada 1 Januari 2018 ialah RM20 000
- (ii) Maklumat anggaran jualan dan belian adalah seperti berikut :

Bulan	Jualan (RM)	Belian (RM)
Januari	50 000	30 000
Februari	55 000	33 000
Mac	60 500	36 300

- (iii) Perniagaan Jinbara bercadang untuk memohon pinjaman dari bank sebanyak RM15 000. Faedah yang akan dikenakan ialah sebanyak 10% setahun selama 5 tahun. Wang pinjaman dijangka diperoleh pada bulan Februari dan bayaran balik ansuran pinjaman akan bermula pada bulan berikutnya.
- (iv) Perniagaan mempunyai 2 orang pekerja bernama Selamat dan Azri yang dibayar gaji sebanyak RM1 000 sebulan. Pada bulan Februari, gaji Selamat akan dinaikkan sebanyak 10% manakala gaji Azri pula akan dinaikkan sebanyak 10% pada bulan Mac.
- (v) Belanja bulanan yang tidak berubah ialah :

Belanja am	RM400
Promosi	RM1 000
Sewa kedai	RM1 500

- (vi) Perniagaan bercadang membeli sebuah kenderaan bernilai RM70 000 secara tunai pada bulan Mac.

Anda dikehendaki menyediakan penyata Belanjawan tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2017.

- 4 Puan Auni, pemilik Aufani Enterprise menjalankan perniagaan sewaan kereta. Beliau ingin menyediakan anggaran belanjawan tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mei 2017. Baki Tunai pada 1 Mac 2017 ialah RM40 000. Anggaran penerimaan tunai dan pembayaran tunai perniagaannya adalah seperti yang berikut.
- (i) Penerimaan hasil sewaan kenderaan bagi bulan Mac berjumlah RM20 000 dan bulan April berjumlah RM30 000. Pada bulan Mei, hasil sewaan kenderaan meningkat sebanyak 50% daripada bulan sebelumnya.
 - (ii) Sewa kedai bulan Mac dan April ialah RM1 400 setiap bulan. Pada bulan Mei bayaran sewa kedai meningkat kepada RM2 000.
 - (iii) Maklumat pembayaran gaji dua orang pekerja adalah seperti berikut:

	Lina	Husni
Mac	RM1 200	RM1 200
April	Meningkat 10% dari bulan Mac	Tidak berubah
Mei	Tidak berubah	Meningkat 10% dari bulan April

- (iii) Belanja bulanan yang tidak berubah ialah :

Kadar bayaran	RM600
Promosi	RM900

- (iv) Pada bulan April, perniagaan akan membeli seunit kenderaan terpakai bernilai RM55 000. Bayaran pendahuluan akan dibayar sebanyak RM15 000 pada bulan April juga dan bakinya akan dibayar secara ansuran bulanan selama 10 bulan bermula pada bulan Mei 2017.

Anda dikehendaki menyediakan penyata Belanjawan tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mei 2017.

SOALAN MODUL 12 TAMAT


SKEMA JAWAPAN MODUL 12

BAHAGIAN A

SOALAN	JAWAPAN	SOALAN	JAWAPAN
1	B	11	A
2	D	12	C
3	A	13	D
4	C	14	C
5	B	15	C
6	B	16	B
7	C	17	A
8	B	18	C
9	D	19	A
10	A	20	C
		21	A

BAHAGIAN B

1 Padankan situasi yang berikut dengan pernyataan yang diberikan.



2

Kedai Mahbud
Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mei 2017

	RM	RM
Baki debit di Buku Tunai		3 007
<i>Tambah :</i>		
Cek belum dikemukakan	500	
Faedah atas simpanan	442	
	442	1 030
		3 949
<i>Tolak :</i>		
Deposit belum dikreditkan	650	
Insurans	450	
Caj bank	20	
Cek tak laku	520	
	520	1 640
Baki kredit di Penyata Bank		2 309

3

Perniagaan Jinbara
Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2017

Butir	Jan RM	Feb RM	Mac RM
Baki b/b	20 000	36 600	70 100
Penerimaan			
Jualan tunai	50 000	55 000	60 500
Pinjaman		15 000	
Jumlah Penerimaan	50 000	70 000	60 500
Pembayaran			
Belian tunai	30 000	33 000	36 300
Ansuran Pinjaman			375
Gaji	2 000	2 100	2 200
Belanja am	400	400	400
Promosi	1 000	1 000	1 000
Kenderaan	-	-	70 000
Jumlah Pembayaran	33 400	36 500	110 275
Lebihan / Kurangan	16 600	33 500	(49 775)
Baki h/b	36 600	70 100	20 325

4

Aufani Enterprise
Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mei 2017

Butir	Mac RM	Apr RM	Mei RM
Baki b/b	40 000	54 700	64 280
Penerimaan			
Hasil sewaan	20 000	30 000	45 000
Jumlah penerimaan	20 000	30 000	45 000
Pembayaran			
Sewa kedai	1 400	1 400	2 000
Gaji	2 400	2 520	2 640
Belanja am	600	600	600
Promosi	900	900	900
Bayaran pendahuluan kenderaan		15 000	
Ansuran kenderaan			4 000
Jumlah pembayaran	5 300	20 420	10 140
Lebihan / Kurangan	14 700	9 580	34 860
Baki h/b	54 700	64 280	99 140

SKEMA JAWAPAN MODUL 12 TAMAT